

A028220

R

**PRODUK BAY' BITHAMAN ĀJIL (BBA) DALAM  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR**

**WAN MOHD NAZMAN WAN MAHMUD**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2003**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141347

**PRODUK *BAY' BITHAMAN ĀJIL (BBA)* DALAM  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR**

**WAN MOHD NAZMAN WAN MAHMUD**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA  
SYARIAH BAHAGIAN II  
( SECARA KURSUS DAN DISERTASI )**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2003**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## DEDIKASI

*Dedikasiku hanya . . .*

*UntukMu Ya Rabbil 'Alamin  
Syukur dan Sujud Ke hadirat Mu  
Rahmat dan Berkah hanya dari Mu*

*Sesuci Al-Fatihah untukmu Allahyarham ayahanda  
Moga dirimu antara KekasihNya  
Sesungguhny dirimu sebaik-baik wanita solehah ciptaanNya*

*Dan...*

*Diriku yang sentiasa memohon dari Mu!*

## ABSTRAK

Perkembangan sistem kewangan Islam yang dilihat hari ini adalah rentetan daripada perkembangan sistem kewangan yang berlaku di segenap negara Islam di dunia terutamanya di negara-negara Timur Tengah. Meskipun perbankan menjadi satu institusi penting di negara kita pada hari ini, namun peratusan penglibatan umat Islam dalam bidang ini adalah rendah. Berasaskan hadis Nabi S.A.W. yang menyatakan bahawa 9/10 daripada sumber rezeki adalah terletak kepada perniagaan, maka kerajaan telah mengambil inisiatif untuk melibatkan umat Islam dalam bidang perniagaan perbankan dengan menubuhkan sistem perbankan Islam. Dan hasil yang diperolehi pada hari ini adalah cukup membanggakan.

Perbankan Islam juga telah memberi kesan limpahan kepada pengantara kewangan bukan bank yang lain seperti institusi kewangan pembangunan, institusi simpanan dan institusi kredit perumahan yang turut memperkenalkan skim dan instrumen Islam bagi memenuhi permintaan pelanggan. Sebagai contohnya wujudnya bank-bank Islam yang merealisasikan asas perniagaan berlandaskan syariah. Justeru itu penulis cuba menilai sejauh mana kenyataan tersebut dapat direalisasikan dan dengan inisiatif sendiri penulis mengkaji pelaksanaan produk *Bay' Bithaman Ajil* di Bank Muamalat Malaysia Berhad.

## ABSTRACT

The advancement of Islamic financial system as we seen today is resulted from the development of the financial system that take place in Islamic countries all around the world, especially in the Middle-East. In Malaysia, although banking is one of the significant institutions, the percentage of Muslims involved in this area is still low. Based on a saying by the Prophet Muhammad saw that stated 9/10 of earnings are from trading, the government has taken the initiative to implicate Muslims in banking business by establishing Islamic banking system and the results are very impressive.

Islamic banking also has the overflow effects on the (non-monetary financial institutions .finance companies) such as Development Financing Institutions, Saving Institutions and Housing Credit Institutions when they too introduced syariah based schemes and instruments in order to satisfy customers' demands. For example, there are banks implement Syari'ah based businesses. Writer try to analyze how far that statement are realized with a study on the application of *al-Bay' Bithaman Ājil* (BBA) at Bank Muamalat Malaysia Berhad.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran di rafa'kan ke hadrat Illahi di atas kurniaan dan anugerahNya. Selawat dan salam khas buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat Baginda serta pejuang-pejuang Islam seluruhnya.

Sekalung apresiasi dan jutaan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Prof. Madya Dr Joni Tamkin Bin Borhan** selaku penyelia yang tidak jemu dan bosan dalam mendidik serta membimbing penulis khususnya dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga buat semua tenaga pengajar dan pentadbir di uniperdana yang sedia mencurahkan bakti menabur budi untuk sama-sama menggarap kecemerlangan dan kegemilangannya.

Ingatan setulus hati buat Allahyarham ayahanda **Wan Mahmud Wan Ahmad**, semoga Allah mencurahkan rahmat ke atasmu dan buat bonda **Nik Mariam Nik Md. Salleh** yang tidak pernah mengenal erti penat jerih dalam mendidik anak-anakmu. Buat kakak, abang-abang dan adik-adik serta anak buah yang comel, terima kasih kerana memahami diriku.

Jutaan penghargaan juga diucapkan kepada pihak bank terutama **En. Saiful Anuar Hambali** di Bank Muamalat Malaysia Berhad KL, **En Wan Rashidie Sabree Wan A'lauddin** di Bank Muamalat Malaysia Berhad , Shah Alam yang banyak membantu penulis memberi maklumat dan panduan. Juga kepada Jie serta warga Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar , KPM , *tempat jatuh lagi dikenang ...*

Allah S.W.T jualah yang mampu menilai ukhawah dan mahabbah yang utuh terbina buat teman-teman serumah dan adik-adik PD dan semua pihak yang terlibat dalam memberikan sumbangan sama ada langsung atau tidak. Semoga jasa dan budi kalian mendapat ganjaran daripada Allah Taala.

Wassalam

**Wan Mohd Nazman Wan Mahmud**  
**Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM, KL**  
**013-3406991**

## DAFTAR ISI

### PRODUK *BAY' BITHAMAN AJIL* ( BBA )

#### DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD, KUALA LUMPUR

Dedikasi	i
Abstrak	ii-iii
Penghargaan	iv
Daftar Isi	v-viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Transliterasi	x-xii
Senarai Jadual	xiii
Senarai Kependekan	xiv-xv
Pendahuluan	xvi-xxvi

## BAB PERTAMA

### DEFINISI DAN PERSEJARAHAN SISTEM PERBANKAN ISLAM

1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Definisi Perbankan Islam	2-5
1.3 Pendapat cendekiawan	5-6
1.4 Persejarahan Perbankan Islam	
1.4.1 Dunia	7-12
1.4.2 Malaysia	13-17
1.5 Konsep Perbankan Islam	17-18
1.5.1 Falsafah Ekonomi Sistem Perbankan Islam	
Menurut Konsep Ekonomi	19-28
1.5.2 Matlamat dan objektif Perbankan Islam	28-31
1.5.3 Fungsi dan peranan Perbankan Islam	31-33
1.6 Kesimpulan	33-34



## **BAB KEDUA**

### **SISTEM PERBANKAN ISLAM DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

2.1 Pengenalan	35
2.2 Sejarah penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad	36-37
2.3 Misi Korporat	37
2.4 Objektif Penubuhan	37-38
2.5 Akta dan Peraturan Penubuhan	39-40
2.6 Logo BMMB dan Rasionalnya	40-42
2.7 Struktur Organisasi Cawangan Utama	
2.7.1 Lembaga Pengarah	43
2.7.2 Ahli Perunding Syariah	44-45
2.7.3 Cawangan Operasi	45-46
2.8 Operasi Bank Muamalat Malaysia Berhad	46-50
2.8.1 Rangkaian Cawangan	50-51
2.8.2 Kakitangan	51
2.9 Produk-produk yang Ditawarkan di BMMB	52-57
2.10 Sumber Dana	58
2.11 Prestasi Kewangan	58-65
2.12 Kesimpulan	65-66

## **BAB KETIGA**

### ***BAY' BITHAMAN AJIL* DAN PELAKSANAANNYA DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

3.1 Pengenalan	65
3.2 Pengertian Konsep Jual Beli Dalam Islam	66-70
3.2.1 Definisi Jual Beli	68-69
3.2.2 Rukun Jual Beli	69-71
3.2.3 Syarat sah Jual Beli	71-73

3.3	Pengertian <i>al-Bay' Bithaman Ājil</i>	
3.3.1	<i>Bay'</i>	74-75
3.3.2	<i>Bithaman</i>	76
3.3.3	<i>Ājil</i>	76-80
3.4	Asas Hukum dan Dalil	
3.4.1	Al-Quran	81
3.4.2	Al-Hadith	82
3.5	Pandangan Fuqaha'	82-85
3.6	Tujuan Dan Keistimewaan	86
3.7	Akad Asas <i>Bay' Bithamin Ājil</i>	
3.7.1	Al-Quran	86-88
3.7.2	Al-Hadith	88
3.7.3	<i>Ijma'</i>	89-90
3.8	Rukun <i>Bay' Bithaman Ājil</i>	
3.8.1	Syarat Bagi Penjual dan Pembeli	91-94
3.8.2	Syarat Bagi <i>Sighah Ijāb dan Qabul</i>	95-97
3.8.3	Syarat Bagi Barang Yang Dijual	98-99
3.8.4	Syarat tambahan bagi <i>Bay' Bithaman Ājil</i>	99-100
3.8.5	Syarat- syarat lain berkaitan dengan <i>Bay' Bithaman Ājil</i>	100-106
3.9	Perbezaan <i>Bay' Bithaman Ājil</i> dan Pembiayaan Konvensional	103-106
3.10	Pelaksanaan <i>Bay' Bithaman Ājil</i> di Bank Muamalat Malaysia Berhad	
3.10.1	Teori <i>Bay' Bithamin Ājil</i>	106
3.10.1.1	Jual beli	107
3.10.1.2	<i>Al-Murābahah</i>	108
3.10.1.3	<i>Ar-Rahn</i>	109
3.10.1.4	<i>Al-Kafālah</i>	110
3.11	Produk-produk <i>Bay' Bithaman Ājil</i> Di BMMB	
3.11.1	Pembiayaan Perumahan	111-112
3.11.1.1	Ciri-ciri Pembiayaan	113
3.11.1.2	Terma-terma Pembiayaan	114
3.11.1.3	Margin Pembiayaan	115-118
3.11.1.4	Kadar Keuntungan	119-120
3.11.1.5	Prosedur Pembiayaan	121

3.11.2	Pembiayaan Aset Tetap	121-122
3.11.2.1	Ciri-ciri Pembiayaan	122
3.11.2.2	Terma-terma Pembiayaan	123
3.11.2.3	Margin Pembiayaan	125-127
3.11.1.5	Prosedur Pembiayaan	128
3.12	Kesimpulan	129

## BAB KEEMPAT

### ANALISIS PERLAKSANAAN PRODUK *BAY' BITHAMAN ĀJIL* DI BMMB

4.1	Pengenalan	130
4.2	Cabaran-cabaran Dalam Merealisasikan Produk <i>Bay' Bithaman Ājil</i> Di BMMB :-	
4.2.1	Dalaman	131-132
4.2.2	Luaran	132-134
4.3	Isu-isu Dalam Produk <i>Bay' Bithaman Ājil</i>	134-147
4.4	Sambutan Masyarakat Terhadap Produk <i>Bay' Bithaman Ājil</i>	148-148
4.5	Persediaan Bank Muamalat Malaysia Berhad Dalam Menghadapi Cabaran	149-150
4.6	Saranan dan Cadangan	150-156
4.7	Kesimpulan	156-157
	<b>KESIMPULAN</b>	158-160

## BIBLIOGRAFI

## LAMPIRAN

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Produk-produk yang ditawarkan oleh Institusi Perbankan Islam di Malaysia.
- Lampiran B : Struktur Korporat BMMB
- Lampiran C : Struktur Organisasi BMMB
- Lampiran D : Senarai Penasihat Syariah BMMB
- Lampiran E : Borang Permohonan Pembiayaan Perumahan *Bay' Bithaman Ājil*.
- Lampiran F : Borang Perjanjian Pembiayaan *Bay' Bithaman Ājil*.
- Lampiran G : Status Semasa Perbankan Islam Di Malaysia
- Lampiran H : Sasaran Bank Negara Untuk Perbankan Islam Di Malaysia Dan Bilangan Pelaksana SPI Sehingga Tahun 30 Jun 2001
- Lampiran I : Pertambahan Kewangan Islam Menggalakkan-Utusan Malaysia 31 Mei 2001
- Lampiran J : Institusi Perbankan Islam Perlu Tingkat Tahap Pengurusan-Utusan Malaysia 27 Mac 2002
- Lampiran K : Perbankan Islam Dapat Sambutan-Berita Harian 30 Disember 2001
- Lampiran L : Aset Institusi Perbankan Islam RM50 Bilion Akhir 2001- Utusan Malaysia 13 Mac 2002.
- Lampiran M : Perbankan Islam Perlu Halusi Sasaran-Utusan Malaysia 11 Mac 2001
- Lampiran N : Modal Teroka Islam Pilihan Terbaik-Utusan Malaysia 27 Mac 2002.
- Lampiran O : Jumlah dan Jenis Pembiayaan Yang Dilanggan Oleh Pelanggan di BIMB dan BMMB

## PANDUAN TRANSLITERASI

Perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam disertasi ini mengikut kaedah berikut :

<b>Huruf Arab</b>	<b>Nama Rumi/Transkripsi</b>
ء	a, ʾ (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f

ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ة	:	h

### Vokal Panjang

ا	:	ā
و	:	ū
ى	:	ī

### Vokal Pendek

َ	(fathah)	a
ُ	(ḍammah)	u
ِ	(kasrah)	i

### Diftong

او	:	aw
اي	:	ay

ي	:	iy/i
و	:	uww

### Catatan

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan tidak di transliterasikan seperti syariat, fuqaha', syara', nas, al-Quran dan al-Hadis. Ejaan ini adalah berdasarkan ejaan Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (Tahun 1991).

Dalam sistem penulisan transliterasi yang menggunakan huruf besar disesuaikan menurut Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia, kecuali bagi kes *al.*

Contoh :

ابو الحسن	:	Abū al-Ḥasan
سيننا محمد	:	Sayyidunā Muḥammad
الندوى	:	al-Nadawī
ابو بكر الصديق	:	Abū Bakr al-Ṣiddīq

Rujukan : Buku Panduan Penulisan Tesis / Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 34-35

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 : Senarai Bank-bank Islam

Jadual 2.1 : Keuntungan BMMB pada tahun 2000

Jadual 2.2 : Perbezaan lembanran imbangan antara 31 Mac 2000 dan 31 Disember 2000.

Jadual 2.3 : Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000

Jadual 3.1 : Ciri-ciri perbezaan *Bay' Bithaman Ājil* dengan pembiayaan Konvensional.

Jadual 3.2 : Margin pembiayaan rumah (Developer)

Jadual 3.3 : Margin pembiayaan rumah (sub sales)

Jadual 3.4 : Margin pembiayaan kondominium dan apartment

Jadual 3.5 : Margin pembiayaan rumah kedai.


Jadual 3.6 : Margin pembiayaan tanah.



## SENARAI KEPENDEKAN

BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	Bank Muamalat Malaysia
BNM	Bank Negara Malaysia
cet.	Cetakan
<i>et al.</i>	<i>Et alia</i> (dan lain-lain)
BBMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
H	Hijrah
M	Masihi
hal.	Halaman
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
<i>op.cit.</i>	<i>Opera citato</i> (dalam karya/rujukan yang dirujuk sebelum)
LUTH	Lembaga Urusan dan Tabung Haji
SPI	Sistem Perbankan Islam
SPTF	Skim Perbankan Tanpa Faedah
terj.	Terjemahan
RM	Ringgit Malaysia
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
ed.	Penyunting
Dr.	Doktor
jl.	Jilid
bil.	Bilangan
j.	Juzu'
Hj.	Haji
Prof.	Profesor

Drs.	Doktor Randus
BIRT	BIMB Institute Of Research And Training Sdn. Bhd.
IBFIM	Islamic Banking And Finance Institute Malaysia Sdn. Bhd.
t.t.	Tanpa Tarikh
T.P.	Tanpa Penerbit
T.T.P.	Tanpa Tempat Penerbit
S.W.T	<i>Subhānahu Wa Ta'āla</i>
R.A.	<i>Radiyallah Hu 'Anhu</i>
S.A.W.	<i>Ṣallallāh 'Alayh Wa Sallam</i>
Jan.	Januari
Jul.	Julai
Nov.	November
Sept.	September
Dis.	Disember
Okt.	Oktober
c.	Cetakan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UM	Universiti Malaya
PUM	Persatuan Ulama' Malaysia
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
YAPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia



*PENGENALAN*

## PENDAHULUAN

### Pengenalan

Memperjuangkan sistem ekonomi Islam merupakan tanggungjawab dan kewajipan setiap individu Islam khususnya. Kita tidak sepatutnya menuding jari menyalahkan mana-mana pihak dalam melaksanakan kehendak serta keperluan tersebut. Bertitik tolak dari situlah penulis dengan rasa prihatin mengkaji dan membuat penyelidikan serta menghasilkan penulisan disertasi ini secara keseluruhan.

### Latar Belakang Masalah Kajian

Setelah melewati lebih kurang 17 tahun penubuhannya Bank Islam telah melepasi tahap perkembangan awalnya dan sedang melangkah ke era kejayaan serta kemajuan yang dapat dibanggakan. Sebagai buktinya ia telah berjaya memperkenalkan dan menawarkan beberapa produk perbankan yang berorientasikan muāmalah Islam berdasarkan prinsip-prinsip syariah.

Realitinya hari ini hampir kesemua institusi kewangan di Malaysia menawarkan perkhidmatan kewangan dan pembiayaan secara Islam. Bank Islam pula di naiktarafkan sebagai peneraju utama atau *role-model* dalam menawarkan perkhidmatan tersebut kepada masyarakat umum yang merangkumi pelbagai jenis produk pembiayaan.

Walau bagaimanapun penulisan ini hanya tertumpu kepada pembiayaan produk *al-Bay' Bithaman Ājil* (BBA) dan kajiannya khusus di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. Skim ini telah mendapat tempat di kalangan masyarakat dan sesuai bagi pembiayaan untuk memperolehi aset seperti rumah kediaman, hartanah, kenderaan dan sebagainya.

### **Kepentingan dan Objektif Kajian**

Setiap kajian atau penyelidikan mempunyai kepentingan dan objektifnya yang tersendiri. Diantara kepentingan dan objektif berhubung dengan kajian yang dikaji oleh penulis adalah seperti berikut :-

1. Penulis mendedahkan konsep atau prinsip *al-Bay' Bithaman Ājil* yang merupakan salah satu konsep muamalat yang dibincangkan oleh para ulamak dan fuqaha' terdahulu dan kontemporari.
2. Selain itu, dengan terhasilnya tesis ini, ia dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang skim pembiayaan Islam yang sebenar khususnya *BBA* agar masyarakat tidak merasa ragu-ragu ataupun sangsi tentang prinsip tersebut.

3. Menganalisis Produk *BBA* yang dilaksanakan di BMMB samada dari segi kekuatannya maupun dari segi kelemahannya agar ianya dapat menarik minat masyarakat menggunakan prinsip *BBA* khususnya di BMMB.

### Skop dan Bidang Kajian

Dalam penghasilan penulisan ini, penulis telah mengkaji pelaksanaan skim *al-Bay' Bithaman Ājil* yang dijalankan di Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pengkajian tentang konsep mekanisme ini mengikut perspektif syara' yang berkisar kepada definisi bahasa dan istilah, hukumnya, dalil dan pendapat ulama serta ilmuan berkaitan dengannya.

Terlebih dahulu dalam bab pertama penulis mengkaji dan menyorot tentang persejarahan awal system perbankan Islam yang merupakan titik awal pelaksanaan pembiayaan tanpa riba.

Manakala dalam bab kedua pula penulis mengkaji tentang penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad serta pengoperasiannya. Ia juga turut menyentuh produk-produk yang ditawarkan serta kemudahan yang boleh didapati di bank tersebut terutama perkembangan 2 tahun sebelum.

Bab ketiga pula penulis telah mengenengahkan tentang fokus kajian iaitu skim *al-Bay' Bithaman Ājil* yang dijalankan di Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Di samping itu juga terdapat berbagai-bagai pendapat daripada ulama' dan ilmunan tentang skim tersebut.

Bab terakhir atau bab keempat pula penulis membuat rumusan dan kesimpulan tentang kajian serta perancangan dan cadangan bagi permasalahan skim ini. Peranan setiap individu amat penting bagi memastikan amalan riba dapat dihapuskan dan kesedaran masyarakat dapat ditingkatkan.

### Metodologi Kajian <sup>1</sup>

Dalam mengkasilkan kajian ini penulis banyak menggunakan metode-metode tertentu bagi mengumpul dan menganalisa data yang diperlukan. Hasilnya penulis berpuas hati dengan penyelidikan dan kajian yang diperolehi hasil penggabungan beberapa metode.

Metode utama<sup>2</sup> yang digunakan ialah :

#### a) Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

---

<sup>1</sup> Metodologi Penyelidikan @ Metodologi Ilmiah ialah usaha-usaha manusia untuk mengatur pengetahuan tentang gejala-gejala alam dan masyarakat melalui system atau metode yang ketat, sedangkan usaha untuk mengetahui tentang gejala-tadi adalah berdasarkan kepada disiplin metodologi ilmiah yang bertujuan memperolehi satu prinsip baru yang disebut penelitian. Lihat dalam Koentjaraningrat(ed.) (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta : PT. Gramedia, hal. 131.

<sup>2</sup> Peter a. Angeles (1931), *A Dictionary of Philosophy*. London : Harper ad Row Publishers, hal. 171 ; Lihat juga Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hal. 51.

Penyelidikan Perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan oleh penulis terhadap tajuk kajian di perpustakaan-perpustakaan dengan tujuan mendapatkan data-data penelitian dalam bentuk dokumentasi<sup>3</sup>. Data-data tersebut boleh diperolehi daripada buku-buku, jurnal-jurnal, risalah-risalah, majalah-majalah, akhbar-akhbar dan sebagainya dan berbagai-bagai bahasa seperti bahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Dalam kajian ini penulis banyak memanfaatkan beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur dan sebagainya termasuk ruang bacaan Bank Muamalat Malaysia Berhad sendiri.

#### b) Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

Penyelidikan Lapangan membawa maksud penyelidikan secara langsung ke atas objek yang dipilih untuk dikaji dan diteliti. Dalam kajian ini penulis telah pergi ke tempat *sample* iaitu ibu pejabat Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk mendapatkan data-data dan maklumat berkenaan secara langsung atau tidak.

Selain daripada kaedah penyelidikan di atas, penulis juga telah menggunakan tiga metod yang lain yang sesuai untuk mengkaji, mengulas, menganalisis data-data yang diperolehi di dalam penyelidikan iaitu :<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Peter A. Angeles, *op.cit.*, hal 70 ; Lihat Koentjaraningat (ed), *op.cit.*, hal 7.

<sup>4</sup> Gerald S. Freeman dan Clarence C. Sherwood (1970), *Social Research and Social Policy*. Englewood, New Jersey : Parentice Hall, Inc., hal. 32-45.



i. *Metode Penentuan Data*

Penulis banyak menggunakan metode *sampling* dalam menentukan subjek penelitian sebagai mewakili institusi dalam kategori berkenaan.<sup>5</sup> Untuk memudahkan penyelidikan, penulis telah memilih negara kita Malaysia sebagai subjek penelitian dengan memberi tumpuan kepada institusi kewangan Islam yang baru mendapat tempat iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad.

ii. *Metode Pengumpulan Data*

Secara umumnya, penyelidikan dijalankan dengan tujuan untuk mengumpul data dan juga analisa terhadap data-data yang terkumpul mengikut cara-cara tertentu.<sup>6</sup> Oleh itu, tujuan penggunaan metode ini adalah untuk memperolehi maklumat dan informasi yang tepat, konkrit dan bernilai dari segi objektiviti dan validitinya.<sup>7</sup> Dalam mendapatkan data ini, terdapat beberapa metode lain yang digunakan untuk mendapatkan data-data dan informasi yang tepat iaitu :-

a) *Metode Historis @ Persejarahan*

Penyelidikan yang menggunakan metode historis ini adalah penyelidikan yang melihat dari sudut sejarah sesuatu permasalahan.<sup>8</sup> Penggunaan

---

<sup>5</sup> Howard E. Freeman dan Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*. USA : John Wisley and Sons, hal. 4-7.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Imam Barnadib, *op.cit.*, hal. 54.

<sup>8</sup> Winarno Surachmad, (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*. Bandung : Penerbit. C.V., Tarsito, hal. 53.

metod ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah daripada dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah tersebut serta dapat menentukan ketepatan berlakunya sesuatu kajian. Dalam metode ini, ia banyak berguna dalam mendapatkan catatan tentang kajian lampau terutamanya sejarah penubuhan dan pengoperasian pembiayaan.

b) Metode Dokumentasi

Ia adalah cara mengumpulkan data dengan menjalankan penyelidikan terhadap segala bentuk dokumen yang berkaitan dengan kajian. Dalam penulisan ini, penekanan diberikan berasaskan sumber-sumber yang berbentuk dokumentasi dalam al-Quran, al-Hadith yang terkandung dalam kitab hadis yang muktabar. Selepas itu, sumber lain adalah kitab-kitab fiqh yang dikarang oleh ilmuan Islam, sarjana ekonomi Islam dan sarjana perundangan Islam lampau dan masa kini. Dokumen lain yang tidak kurang pentingnya adalah buku-buku terkini mengenai subjek muamalat Islam yang dikarang oleh sarjana semasa.

c) Metode Wawancara

Ia merangkumi cara yang digunakan oleh seseorang untuk tujuan tertentu bagi mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden dengan berhadapan secara bersemuka. Metode ini juga banyak memberi maklumat yang jelas tentang pengkajian ini.

iii. *Metode Analisis Data*

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk menganalisa data. Setelah data yang dikehendaki dikumpul, ia akan dianalisa dan diolah secara berkesan untuk memberi hasil rumusan yang terbaik untuk tujuan itu. Ia terbahagi kepada tiga itu :

a) *Metode Induktif*

Pendekatan ini digunakan untuk membuat rumusan dan kesimpulan yang bersifat umum dari hal-hal yang bersifat khusus<sup>9</sup>. Penulis menggunakannya dalam kebanyakan bab, terutama apabila terdapat pelbagai pendapat sehingga memerlukan satu kesimpulan yang kukuh.

b) *Metode Deduktif*

Ia adalah cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.

c) *Metode Komparatif*

Menerusi kaedah ini, segala data yang dikumpulkan akan diteliti dan dibuat perbandingan dan analisa. Penulis banyak menggunakan kaedah ini dalam

---

<sup>9</sup> Andrian D. De Groot, 1960, *Methodology Foundation of Influence and Research In The Behavioural Sciences*, Mounth & Co, Belgium, hal. 74 ; Gerald S, Ferman dan Clarence, *op.cit.*, hal. 55.

analisa di bab akhir kajian. Oleh itu, rumusan tentang tajuk yang dikaji dapat dikemukakan dari pelbagai sudut.

### Kajian Terdahulu (*Review Literature*)

Secara umumnya, terdapat juga samada buku maupun projek akhir yang memperkatakan tentang *Bay' Bithaman Ājil*. Akan tetapi dalam penelitian penulis tidak terdapat satu pun yang memperkatakan tentang pelaksanaan *Bay' Bithaman Ājil* di Bank Muamalat khusus. Ini mungkin kerana Bank Muamalat tersebut masih baru.

Antaranya ialah buku yang ditulis oleh Osman Sabran (2001) dalam bukunya yang bertajuk *Urusniaga al-Bay' Bithaman Ājil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*. Beliau hanya memperkatakan tentang *Bay' Bithaman Ājil* dengan secara umum serta prosedur yang perlu untuk mendapatkan pembiayaan BBA khusus dalam pembiayaan perumahan. Beliau juga mengetengahkan tentang masalah yang berkaitan dengan BBA secara umum.

Mazran bin Mohd Nazim (2001) pula dalam tesis sarjananya yang bertajuk “Mekanisme *al-Murābahah* dan *al-Bay' Bithaman Ājil* Dalam Sistem Pembiayaan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)” mengkaji tentang pembiayaan BBA di Bank Islam Malaysia Berhad tanpa menyatakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pembiaya dan juga pelanggan.

Selain itu, Hazrul bin Daud (2001) dalam kertas projeknya yang bertajuk “Penggunaan Prinsip *Bay’ Bithaman Ajil* dalam Penerbitan Bon” pula membincangkan tentang BBA hanya dalam konteks penerbitan bon di Malaysia sahaja yang menggunakan konsep BBA. Tetapi beliau juga membincangkan tentang pensyariaan BBA menurut perspektif Islam.

Manakala Muhammad Fuad bin Ahmad Tajuddin (2001) dalam kertas projeknya yang bertajuk “Skim Pembiayaan *Bay’ Bithaman Ajil* : Kajian perbandingan antara Bank Islam Malaysia Berhad dengan Maybank” yang diserahkan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM, mengkaji tentang perbezaan diantara BIMB dengan Maybank dalam penggunaan prinsip BBA sebagai salah satu instrumen pembiayaan.

Nazerah bt. Chek (1999) dalam kertas projeknya yang bertajuk “ Skim Pembiayaan *Bay’ Bithaman Ajil* : Konsep dan Pelaksanaannya di RHB Bank membincangkan tentang pembiayaan BBA dalm RHB Bank sahaja. Antara isi kandungan projek akhir tersebut ialah beliau hanya memperkatakan tentang masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan tanpa melihat masalah yang dihadapi oleh pelanggan.

Jika diteliti, keempat-empat kertas kerja di atas membincangkan konsep *Bay’ Bithaman Ajil* (BBA) secara ringkas sahaja.

## **Masalah-Masalah Kajian**

Dalam melaksanakan kajian ini, penulis telah berhadapan dengan beberapa masalah dan kesulitan. Antaranya ialah kesukaran mendapatkan bahan-bahan dan rujukan terutamanya rujukan berbahasa Arab. Kebanyakannya terdapat di perpustakaan tetapi berada dalam keadaan yang sukar untuk ditemui. Ianya agak berselerak dan bersepah tanpa pengawasan dan perhatian. Tambahan pula kesukaran untuk menterjemahkan teks-teks bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu agak menyulitkan penulis memandangkan istilah-istilah fiqh yang digunakan sukar difahami.

Selain daripada itu penulis juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang pengoperasian pembiayaan di Bank Muamalat Malaysia Berhad sendiri. Ini kerana kesuntukan dan kesempitan masa kakitangan bank dan maklumat yang dikehendaki kebanyakannya tertakluk di bawah Akta Rahsia Bank.